

EDUP3053: Teknologi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran

MULTIMEDIA INTERAKTIF UNTUK P DAN P



KONSEP MULTIMEDIA & ELEMEN-ELEMEN MULTIMEDIA



Muhammad Amin Simon
Unit Teknologi Pendidikan
Jabatan Ilmu Pendidikan

Isi Kandungan



- 1. Multimedia sepintas lalu
- 2. Elemen-elemen multimedia



shutterstock



Definisi Multimedia

Apa yang anda faham mengenai multimedia?



Definisi Multimedia

Istilah multimedia semakin diminati dan mendapat publisiti yang meluas pada zaman teknologi komputer masa kini. Jika diperhatikan, sebenarnya multimedia boleh ditakrifkan sebagai:

Multi ; banyak atau pelbagai Media; berasal daripada perkataan medium yang membawa maksud “ kaedah komunikasi”



JOY FM | ADAM FM | 123FM | NFMFM | MEDIASHARE.COM | AZAMFM | JOY MARKETING SERVICES | HITZFM | MADIO.TV

Definisi Multimedia



Definisi multimedia (Asal)
Multimedia bermakna menggunakan 2 atau lebih media bagi sesuatu persembahan. Contohnya video dan slaid -Ejaannya multi-media.



Definisi multimedia (Baru)
Multimedia merujuk kepada persembahan berpusatkan komputer yang menggabungkan unsur-unsur foto, video, audio, teks, grafik dan animasi



Definisi Multimedia



Definisi multimedia (Terkini)

- Proses komunikasi interaktif berdasarkan komputer yang merangkumi penggunaan teks, grafik, audio, video dan animasi






Definisi Multimedia

Hipermedia

Hipermedia mewakili kemampuan sesebuah aplikasi dalam membenarkan pengguna mencapai sesuatu maklumat tanpa perluri mengikut laluan yang telah ditetapkan seperti lembaran buku.


Hipermedia sebaliknya membenarkan seseorang pengguna mencapai maklumat mengikut minat, keupayaan ataupun kehendak hati mereka sendiri.



Definisi Multimedia

Kebolehan hipermedia ini menggalakkan seseorang pengguna untuk terus mendalamai isi kandungan seberapa lama atau kerap yang mereka perlukan tanpa terikat dengan sistem pencarian maklumat tradisi





This is a content slide from a presentation. It features a dark blue header bar with the text "Elemen Utama Multimedia" in white. To the left of the header is the IPG logo. The main content area is white with a blue decorative footer. The text on the slide reads: "Terdapat 6 elemen utama multimedia iaitu:" followed by a numbered list of six elements: 1. Teks, 2. Grafik, 3. Audio, 4. Video, 5. Animasi, and 6. Interaktiviti.



Elemen Utama Multimedia

Dalam kumpulan 3 orang pelajar, bincangkan kepentingan atau kelebihan elemen-elemen multimedia yang dinyatakan khususnya untuk pengajaran dan pembelajaran

(5 minit)



Elemen Utama Multimedia: Teks

- Teks merupakan elemen utama dalam menyalurkan sesuatu maklumat.
- Pelbagai rupa taip atau fon memberi daya tarikan dalam sesuatu persembahan maklumat.
- Teks boleh digunakan untuk memberi penekanan atau pengukuhkan kepada sesuatu isu.



Elemen Utama Multimedia: Grafik

- Grafik digunakan bagi memberikan penekanan secara visual terhadap sesuatu persembahan.
- Grafik juga digunakan untuk membantu dalam menerangkan sesuatu maklumat secara berkesan.
- Grafik menjadikan sesuatu persembahan atau penyampaian maklumat lebih menarik dan hidup



Elemen Utama Multimedia: Animasi

- Animasi mencerikkan lagi sesuatu persembahan maklumat.
- Animasi membantu dalam menerangkan sesuatu konsep yang kompleks dengan mudah.
- Animasi mampu menarik perhatian pengguna atau penonton.



Elemen Utama Multimedia: Audio

- Audio digunakan untuk membantu penyampaian maklumat dengan lebih berkesan. Contohnya, suara latar/*narration*.
- Membantu meningkatkan daya tarikan terhadap sesuatu persembahan.
- Membantu meningkatkan *mood* dan daya tumpuan terhadap sesuatu isi persembahan.



Elemen Utama Multimedia: Video

- Video menyediakan kaedah penyaluran maklumat yang “hidup”.
- Sumber yang paling berkesan dalam menyampaikan sesuatu maklumat.
- Sebagai satu sumber penyampaian maklumat dan sumber rujukan yang berkesan.



Elemen Utama Multimedia: Interaktiviti

- Elemen interaktiviti membenarkan pengguna berinteraksi secara dua hala dengan program, aplikasi dan sistem multimedia yang disediakan.
- Ia juga memberi peluang pengguna menentukan apa, bagaimana,bila sesuatu maklumat itu perlu dipersembahkan.
- Kemudahan interaktiviti di dalam sesuatu sistem multimedia interaktif juga membenarkan seseorang pengguna meneroka sesuatu maklumat mengikut keperluan serta kepentasan masing-masing.



Bibliografi

Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), **Multimedia Dalam Pendidikan**, Bentung PTS: Publication

Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir (2005), **Multimedia Konsep dan Praktis**, Kuala Lumpur: Venton Publication

